



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KETAKSAAN DALAM LAPORAN BERITA SUKAN BOLA SEPAK

ABIR WARDATI BINTI NASRUDDIN

FBMK 2021 64



KETAKSAAN DALAM LAPORAN BERITA SUKAN BOLA SEPAK

Oleh

ABIR WARDATI BINTI NASRUDDIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Mac 2021

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

KETAKSAAN DALAM LAPORAN BERITA SUKAN BOLA SEPAK

Oleh

ABIR WARDATI BINTI NASRUDDIN

Mac 2021

Pengerusi : Zuraini binti Jusoh, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penggunaan kata dan ungkapan yang tidak jelas dalam laporan berita sukan bola sepak dalam talian adakala menimbulkan ketaksaan dan kekeliruan makna kepada pembaca. Namun, kehadiran kata dan ungkapan yang bersifat taksa ini bukanlah suatu kesalahan, sebaliknya hanyalah perbezaan interpretasi dan pemahaman khususnya oleh pembaca. Tambahan pula, untuk mengesan ketaksaan ini merupakan suatu cabaran intelektual yang memerlukan pemahaman yang mendalam dan pengetahuan yang luas. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis ketaksaan leksikal, ketaksaan gramatikal, dan ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak serta merumuskan aspek bahasa yang menimbulkan ketaksaan dalam laporan berita sukan bola sepak. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks untuk mengumpul 22 laporan berita sukan bola sepak sebagai data kajian daripada 32 laporan berita sukan. Laporan berita sukan bola sepak ini diperoleh daripada laman sesawang Berita Harian dan Sinar Harian menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Data kajian dianalisis menggunakan Teori Relevans (1995). Hasil kajian mendapati daripada 22 data kajian, sebanyak 4 data yang memperlihatkan ketaksaan leksikal, 4 data memperlihatkan ketaksaan gramatikal dan 14 memperlihatkan ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak. Ketaksaan leksikal, ketaksaan gramatikal, dan ketaksaan figuratif yang menimbulkan maksud yang mengelirukan telah dapat dianalisis menggunakan Teori Relevans. Di samping itu, ketaksaan dalam laporan berita sukan bola sepak turut memperlihatkan kebolehan seseorang penulis itu menggunakan perkataan dan ungkapan yang mempunyai unsur polisemi, paradoks, kiasan, homonim, metafora, konotasi, dan sebagainya untuk mengolah bahasa penulisan laporan mereka dengan kreatif dan imaginatif.

Kata Kunci : Ketaksaan, Leksikal, Gramatikal, Figuratif, Laporan Berita Sukan, Bola Sepak, Teori Relevans,

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

THE AMBIGUITY IN FOOTBAL NEWS REPORT

By

ABIR WARDATI BINTI NASRUDDIN

March 2021

Chair : Zuraini binti Jusoh, Phd
Faculty: Modern Languages and Communication

The use of obscure words and expressions in online football news reports sometimes causes ambiguity and confusion of meaning to readers. However, the presence of words and expressions which is ambiguous is not an offense, but rather a difference of interpretation and understanding especially by the reader. Furthermore, to detect these vague words is an intellectual challenge that requires deep understanding and extensive knowledge. Therefore, the objective of this study is to identify and analyze lexical ambiguity, grammatical ambiguity, and figurative ambiguity in football sports news reports as well as to summarize the language aspects that cause ambiguities in football sports news reports. This qualitative study uses text analysis method to collect 22 of 32 football sports news reports as research data. This football news report was obtained from the Berita Harian and Sinar Harian online websites using purposive sampling technique. The data were analyzed using Relevance Theory (1995). The results of the study found that out of 22 study data, 4 data showed lexical ambiguities, 4 data showed grammatical ambiguities, and 14 showed figurative ambiguities in football sports news reports. Lexical ambiguities, grammatical ambiguities, and figurative ambiguities that give rise to confusing meanings have been analyzed using Relevance Theory. In addition, the study found that the wording in football news reports also shows the ability of reporters in using words and expressions that have elements of polysemy, paradox, allusion, homonyms, metaphors, connotations, etc. to process the language of their report writing creatively and imaginatively.

Keywords: Ambiguity, Lexical, Grammatical, Figurative, Sports News Reporting, Football, Relevance Theory,

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadirat illahi Allah S.W.T., kerana di atas limpahan kurniaanNya, maka dapat juga saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun setelah menempuhi pelbagai rintangan dan juga dugaan. Alhamdulillah, syukur.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Zuraini Jusoh selaku penyelia saya di atas sokongan, nasihat, dan bimbingan yang diberikan kepada saya dalam menayakan tesis ini. Kebijaksanaan beliau dalam membantu saya seta semangat yang diberikan sedikit sebanyak telah menaikkan semangat saya untuk menyiapkan tesis ini dengan cepat. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Sharil Nizam Sha'ri yang juga membantu dalam memberi semangat untuk saya segera menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah UPM iaitu Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah yang telah banyak membantu saya dalam menyempurnakan tesis ini. Tanpa sokongan dan nasihat yang diberikan, sudah pastinya saya tidak akan menyiapkan tesis ini dengan sempurna.

Ribuan terima kasih juga diberikan kepada suami saya, Hazziq bin Abdul Latiff, serta ibu dan bapa saya, Zeiti Akhtar dan Nasruddin di atas sokongan yang tidak terhingga supaya saya tidak berputus asa dalam menyiapkan tesis ini. Kasih sayang, dorongan, doa, dan peringatan sentiasa diberikan kepada saya semasa saya amat memerlukannya. Doa kalian sentiasa membuatkan saya lebih bersemangat untuk menyiapkan tesis ini dengan sempurna dan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan dan doa kalian amat saya sanjungi dan ingati sepanjang hayat saya.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada adik-adik saya, rakan-rakan, dan semua orang yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan cadangan dan bantuan dalam menyempurnakan tesis ini. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan panduan ilmu yang berguna buat generasi akan datang.

Saya mengesahkan bahawa satu jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 Mac 2021 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Abir Wardati binti Nasruddin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Ketaksaan dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Datin Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Salinah binti Ja'afar, PhD

Profesor Madya
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZURIATI AHMAD ZUKARNAIN, PhD

Profesor Ts. dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 29 Julai 2021

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli jawatankuasa penyeliaan adalah seperti berikut:

Zuraini binti Jusoh, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 August 2021

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No Matriks: Abir Wardati binti Nasruddin, GS55669

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan

: Dr. Zuraini binti Jusoh

Tandatangan _____

Nama Ahli Jawatankuasa

Penyeliaan

: Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	7
	1.3 Objektif Kajian	8
	1.4 Persoalan Kajian	9
	1.5 Kepentingan Kajian	9
	1.6 Batasan Kajian	11
	1.7 Definisi Operasional	13
	1.7.1 Ketaksaan	13
	1.7.2 Laporan Berita Sukan	14
	1.7.3 Liga Perdana Inggeris	14
	1.8 Kesimpulan	15
2	SOROTAN KAJIAN	16
	2.1 Pengenalan	16
	2.2 Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Ketaksaan	16
	2.3 Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Laporan Berita	18
	2.4 Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Teori Relevans	20
	2.5 Perkaitan Kajian Lepas dengan Kajian Pengkaji	22
	2.6 Kesimpulan	24
3	METODOLOGI KAJIAN	25
	3.1 Pengenalan	25
	3.2 Reka Bentuk Kajian	25
	3.3 Konsep dan Kerangka Teori	27
	3.3.1 Teori Relevans	27
	3.4 Bahan Kajian	30
	3.5 Pengumpulan Data	32
	3.6 Penganalisisan Data	33
	3.7 Prosedur Kajian	34
	3.8 Kerangka Kajian	35
	3.9 Kesimpulan	36

4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Ketaksaan Leksikal, Gramatikal, dan Figuratif yang Menghasilkan Pertentangan dan Ketidaksamaan Makna Rujukan dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak	37
4.2.1	Ketaksaan Leksikal	38
4.2.2	Ketaksaan Gramatikal	40
4.2.3	Ketaksaan Figuratif	42
4.3	Analisis Ketaksaan Leksikal, Gramatikal, dan Figuratif dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak	45
4.3.1	Ketaksaan Leksikal dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak	46
4.3.2	Ketaksaan Gramatikal dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak	58
4.3.3	Ketaksaan Figuratif dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak	68
4.4	Merumuskan Aspek Bahasa yang Menghasilkan Pertentangan dan Ketidaksamaan Makna Rujukan dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak	79
4.5	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	83
4.6	Kesimpulan	84
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	85
5.1	Pengenalan	85
5.2	Rumusan	85
5.3	Cadangan	88
	BIBLIOGRAFI	89
	BIODATA PELAJAR	93
	PENERBITAN	94

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Senarai Ketaksaan Leksikal	39
2	Senarai Ketaksaan Gramatikal	40
3	Senarai Ketaksaan Figuratif	42
4	Senarai Analisis Ketaksaan	45
5	Makna Data (1)	47
6	Analisis Teori Relevans Data (1)	48
7	Lampiran Petikan Data (1)	48
8	Makna Data (2)	50
9	Analisis Teori Relevans Data (2)	52
10	Makna Data (3)	55
11	Analisis Teori Relevans Data (3)	57
12	Makna Data (4)	59
13	Analisis Teori Relevans Data (4)	60
14	Maklumat Tambahan Data (4)	61
15	Makna Data (5)	63
16	Analisis Teori Relevans Data (5)	63
17	Makna Data (6)	65
18	Analisis Teori Relevans Data (6)	67
19	Makna Data (7)	69
20	Makna Data (8)	72
21	Makna Figuratif Data (9)	76
22	Analisis Teori Relevans Data (9)	78
23	Aspek Bahasa Dalam Laporan Berita Sukan	80

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Peraturan Penggunaan Internet oleh MCMC	12
2	Kerangka Konseptual Kajian	35
3	Aspek Bahasa yang Menimbulkan Ketaksaan	82



SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
VAR	Video Assistant Referee
TR	Teori Relevans
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
ESPN	Entertainment and Sports Programming Network
MCMC	Malaysian Communications and Multimedia Commission
EPL	English Premier League
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
UEFA	The Union of European Football Associations

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dengan bahasa, manusia mengkategorikan, membezakan dan mewujudkan makna dalam alam semesta ini, (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2018). Dengan demikian, kita dapat melihat dunia mengikut bahasa kita sendiri. Hal ini bertepatan dengan pendapat ahli antropologi, Sapir (1929), iaitu manusia tidak hidup di dunia semata-mata, tetapi sangat bergantung pada bahasa tertentu yang menjadikan medium ungkapan dalam kalangan masyarakat mereka. Namun, adakalanya hubungan antara rujukan, perbendaharaan ungkapan dengan objek dalam realiti serta di dunia mental kita adalah terikat dengan hubungan antara satu sama lain sehingga menimbulkan ketaksaan.

Ketaksaan merupakan perkataan atau ayat yang mengandungi lebih daripada satu makna. Ketaksaan juga bermaksud perihal atau keadaan yang taksa, iaitu yang mengalami kekaburan makna dalam ayat dan dapat diatasi jika tanda baca yang digunakan adalah betul. Menurut Hajar Abdul Rahim (1999) ketaksaan merujuk kepada lebih daripada satu makna. Dalam erti kata lain, ketaksaan adalah satu jenis ketidakjelasan makna bahasa dalam bentuk lisan atau tulisan yang berlaku dalam bentuk kata, klausa, ayat dan wacana (Santoso, 2020). Disebabkan perkataan tersebut mempunyai lebih daripada satu makna, ia menyebabkan apabila seseorang itu menggunakan perkataan yang mempunyai lebih daripada satu makna, ia akan menimbulkan kekeliruan makna atau kekaburan makna.

Harimurti Kridalaksana (1982) mendefinisikan ketaksaan atau ambiguiti sebagai 'sifat kontraksi yang dapat diberikan lebih daripada satu tafsiran'. Apabila terdapat ungkapan yang taksa, ungkapan itu memerlukan penganalisisan teks atau laporan yang dibuat dengan lebih mendalam dan terperinci bagi merungkai makna ungkapan yang taksa tersebut (Harimurti Kridalaksana, 1982). Hal ini disebabkan apabila suatu ujaran atau teks diperdengarkan kepada pendengar atau pembaca, mereka akan memberikan respons yang mungkin sama atau berbeza.

Perbezaan inilah yang dikatakan ketaksaan. Juniato Sidauruk dan Jimmi (2017) dalam kajian yang bertajuk Penelitian Eksperimental Intonasi Pemarkah Ketaksaan Ujaran (Kajian Fonetik) mendefinisikan ketaksaan sebagai suatu persepsi makna ujaran yang dikira betul atau lazim pada suatu bahasa. Persepsi makna ujaran ini sering kali difahami sebagai ciri ketaksaan yang memungkinkan ia terjadi akibat daripada kekeliruan dalam penerapan variasi prosodi yang lazim ada pada suatu bahasa (Juniato Sidauruk & Jimmi, 2017).

Ketaksaan ini juga terjadi disebabkan bahasa yang berkembang terus seiring dengan perkembangan pemikiran pengguna bahasa. Perkembangan tersebut telah mewujudkan perluasan dan penyempitan makna sesuatu kata seterusnya ungkapan. Perkembangan ini juga boleh dikatakan perkembangan seiring dengan peradaban manusia (Yunita Nugraheni, 2006). Ketaksaan boleh terjadi dalam ayat dan teks. Ungkapan-ungkapan yang terdapat dalam ayat dalam laporan dan teks yang menimbulkan ketaksaan akan mengelirukan pembaca untuk memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penulis.

Dalam bahasa, terdapat empat jenis ketaksaan, iaitu ketaksaan struktur, ketaksaan leksikal, ketaksaan figuratif dan ketaksaan yang tidak disengajakan (Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020). Ketaksaan leksikal adalah kegandaan makna yang ditimbulkan kerana adanya butir-butir leksikal yang memiliki makna ganda baik penerapan pemakainya mahupun kerana hal-hal yang bersifat leksidental (Dewa, 2008). Contohnya, kata “ramai” yang digunakan dalam ayat:

- (1) Siang hari jalan Malioboro sangat ramai (bermakna penuh dengan kenderaan)
- (2) Seminggu setelah peristiwa kerusuhan, toko mulai ramai (bermakna banyak atau penuh pengunjung)
- (3) Corak baju yang dipakainya sangat ramai (bermakna penuh dengan hiasan)

Ketaksaan leksikal bersifat leksidental kerana kegandaan makna itu terjadi akibat kebetulan leksem-leksem itu memiliki bentuk yang sama secara fonologi mahupun ortografi. Menurut Dewa (2008), ketaksaan ini terjadi akibat daripada butir-butir leksikal mempunyai sifat berganda dari sudut makna disebabkan oleh cara penggunaannya mahupun kerana leksidental. Tegasnya, kewujudan ketaksaan leksikal ini disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu, wujudnya kata homonim, homofon, dan homograf yang digunakan dalam ayat yang menyebabkan timbulnya kekeliruan makna (Alwi, 2002). Hal ini mempunyai kaitannya dengan makna berganda dalam setiap kata dengan lingkungan penggunaannya seperti:

- a. Leksikal yang bersifat homonim seperti [baki], dan [daki]
- b. Leksikal yang bersifat homofon seperti [bang, bank], [sarat, syarat], dan [massa, masa]
- c. Leksikal yang bersifat homograf seperti [semak], dan [perang]

Ketaksaan gramatikal pula bermaksud ketaksaan yang terbentuk kerana proses penggabungan satuan-satuan lingual mengikut sistem bahasa tertentu (Dewa & Rohmadi, 2008). Menurut Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), ketaksaan gramatikal boleh terjadi dalam dua cara, pertama ketaksaan yang dibentuk oleh peristiwa pembentukan kata secara gramatikal dan kedua, ketaksaan pada frasa yang seakan-akan atau mirip setiap kata yang

telah membentuk frasa yang sebenarnya, tetapi gabungannya mengakibatkan makna sesuatu ayat dapat diartikan lebih daripada satu makna. Sebagai contoh, dalam bahasa Indonesia, kata lukisan dan adik secara mandiri tidak taksa, tetapi setelah digabungkan menjadi 'lukisan adik', ia akan memberikan beberapa tafsiran atau makna:

- (1) Lukisan milik adik
- (2) Lukisan yang dibuat oleh adik
- (3) Lukisan yang objeknya adik
- (4) Lukisan untuk adik
- (5) Lukisan yang diberi adik.

Seterusnya, ketaksaan figuratif berkait rapat dengan adanya unsur polisemi pada peringkat leksikon dan perbezaan budaya (Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020). Menurut Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) lagi, ketaksaan figuratif ini terjadi apabila sesuatu makna kata atau ungkapan telah dianalisis dalam bentuk figuratif dan bukannya literal.

Ketaksaan jenis yang keempat pula ialah ketaksaan yang disengajakan. Ketaksaan jenis ini sering kali diguna pakai oleh penulis bagi mencantikkan gaya penulisan mereka seterusnya menarik minat pembaca. Ketaksaan disengajakan ini sering dilihat dalam iklan, tajuk berita dan penulisan sastera. Hal ini bagi memperlihatkan ciri stilistik dan estetika bahasa dalam teks-teks terutamanya teks sastera. Menurut Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), ketaksaan disengajakan ini dibuat bagi bertujuan untuk menimbulkan minat kepada pembaca agar mentafsirkan makna sendiri sekali gus menimbulkan kesan yang mendalam serta berulang.

Penggunaan bahasa yang taksa ini sering kali terjadi dalam kalangan pembaca dan pendengar. Melalui pertuturan juga boleh terjadinya ketaksaan ini, terutama sekali pada berita atau artikel. Mursia Ekawati dan Asri Wijayanti (2017) menyatakan bahawa ketaksaan sering kali ditemui dalam setiap bahasa, namun akhbar merupakan berita yang disampaikan sebagai sumber yang paling penting bagi menunjukkan contoh terdapatnya ketaksaan. Penulis sering kali tidak menyedari bahawa perkara yang ditulisnya itu telah menimbulkan banyak makna kepada pembaca. Ketaksaan ini sering kali dilihat pada judul-judul berita, namun jika diteliti secara mendalam, terdapat juga ketaksaan dalam isi kandungan berita. Adakalanya, pemilihan kata yang digunakan oleh penulis boleh menimbulkan ketaksaan sehingga menyebabkan pembaca tidak dapat memahami berita yang ingin disampaikan.

Salah satu media komunikasi yang cukup efektif dalam penyampaian informasi adalah surat khabar (Santoso, 2020). Melalui akhbar atau pun laporan berita, segala informasi daripada seluruh dunia dapat diketahui. Asmah Omar (2007) mendefinisikan akhbar sebagai surat khabar harian, buletin berkala dan makalah, dan medium ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat kepada khalayak. Akhbar juga mempunyai edaran yang sangat meluas sehinggakan merentasi semua golongan umur dan laporan ini tersebar luas dari segi kawasan geopolitiknya. Takrifan ini jelas menunjukkan bahawa fungsi akhbar kepada umum sangat meluas dalam menyampaikan informasi yang juga dikenali sebagai berita. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, (2015), berita didefinisikan sebagai laporan tentang sesuatu perkara, atau khabar. Oleh itu, berita merupakan satu maklumat mengenai sesuatu kejadian atau peristiwa. Peristiwa itu merupakan suatu peristiwa yang sangat penting peranannya kepada khalayak tidak mengira lapisan sosial masyarakat. Dalam penulisan berita, segalanya akan dititikberatkan kerana berita merupakan satu bentuk penyajian fakta tentang suatu kejadian atau kegiatan.

Sementara itu *Oxford English Dictionary* (2003) mendefinisikan laporan sebagai suatu kenyataan formal hasil daripada sesuatu penyelidikan atau suatu maklumat lengkap tentang sesuatu hal yang disampaikan oleh sekumpulan penyelidik. Walaupun terdapat berbagai jenis laporan seperti laporan ilmiah, dan laporan teknik, namun ciri-ciri laporan sangat penting dalam menyampaikan maklumat. Antara ciri-ciri laporan adalah laporan semestinya bersifat ringkas, lengkap, logik dan sistematik.

Dalam penulisan laporan, laporan yang ditulis hanya akan mengemukakan hal-hal yang penting secara ringkas yang berhubungan dengan tugasnya agar penerima laporan tersebut segera mengetahui isu yang ditulis. Laporan tersebut juga hendaklah sempurna dengan bibliografi atau sumber perpustakaanannya. Tanpa sumber, laporan tersebut tidak akan lengkap. Seterusnya, laporan tersebut akan dianggap logik apabila terdapat keterangan yang dikemukakannya dapat ditelusuri dengan alasan-alasan yang masuk akal.

Akhir sekali, sesebuah laporan itu boleh dianggap sistematik jika keterangan yang diberikan ditulis dan disusun berturutan serta saling berhubung. Menurut Keraf (2001), laporan adalah suatu cara komunikasi apabila penulis menyampaikan informasi kepada seseorang atau suatu badan kerana tanggungjawab yang dibebankan kepadanya. Disebabkan laporan ini merupakan sebahagian daripada medium untuk berkomunikasi, terdapat beberapa laporan yang ditulis di media sebagai salah satu cara untuk berkomunikasi dengan masyarakat.

Dalam menyampaikan maklumat, bahasa yang digunakan hendaklah ringkas dan mudah difahami. Hal ini disebabkan kebanyakan bahasa di dunia ini digunakan oleh pengguna yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan digunakan di medium yang pelbagai seperti dalam politik, komersial, pembelajaran, dan laporan media. Mozuraityte (2015) mengatakan bahawa

dunia ini telah menjadi seperti satu kampung yang kecil dengan perkembangan media yang mendadak. Jika dilihat pada masa dahulu, semua masyarakat akan mendapatkan maklumat dengan membaca surat khabar yang dicetak pada setiap hari. Namun kini, segala laporan dalam akhbar dapat diperolehi dalam Internet. Akhbar atas talian merupakan sumber maklumat yang paling banyak dibaca di seluruh dunia (Manisha Lamichhane, 2017).

Perkara ini juga didorong oleh perkembangan teknologi informasi beberapa tahun kebelakangan ini yang berkembang dengan pesat, sehingga hal ini mengubah paradigma masyarakat dalam mencari dan mendapatkan informasi yang tidak lagi terbatas pada informasi surat khabar, audio visual dan elektronik, tetapi juga sumber-sumber informasi yang lain seperti melalui jaringan Internet (Abdoel Gafar, 2008). Secara umumnya, apabila kedatangan Internet pada tahun 1990an, memberikan nafas baru kepada konsep media (Hilligoss & Rich, 2008). Perkembangan teknologi, khususnya berkaitan dengan media memberikan impak yang cukup besar dalam industri penerbitan akhbar di negara ini (Shahrul Nizam Sannusi & Normah Mustaffa, 2015).

Perkembangan teknologi telah mengubah landskap industri media dengan mewujudkan persaingan antara media tradisional dengan media baharu (Azmah Abdul Wahab & Samsudin A. Rahim, 2013). Dalam mendapatkan maklumat di media, media sebelum ini harus mendapatkan kepercayaan masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan. Tanpa kepercayaan masyarakat, maklumat di media juga tidak akan dibaca oleh masyarakat. Gaziano (1988) sejak awal lagi menyatakan bahawa kegagalan khalayak mempunyai kepercayaan terhadap berita di media akan menggagalkan kemampuan sesebuah institusi media dalam menyampaikan maklumat dan berita kepada umum.

Dengan kelebihan teknologi ini, bahan bacaan seperti berita dapat disampaikan kepada pembaca dengan lebih pantas dan capaian khalayak yang lebih ramai (Hamidah Abdul Wahab, 2012). Masyarakat dapat memperoleh pelbagai maklumat dan informasi dari seluruh negara dan juga seluruh dunia. Kepsatan teknologi telah memberikan inovasi dalam dunia laporan berita dalam menyampaikan maklumat melalui pelbagai saluran terutamanya saluran maya yang menjadi medium penting kepada masyarakat. Disebabkan itu, banyak berita terkini dipaparkan dalam laman sesawang di Internet bagi memudahkan pembaca untuk mengaksesnya secara umum.

Begitu juga di Malaysia, apabila kebanyakan akhbar-akhbar tempatan telah pun mempunyai laman sesawang tersendiri bagi memudahkan lagi penyampaian maklumat kepada masyarakat. Shahrul Nizam Sannusi dan Normah Mustaffa (2015) mengatakan bahawa kemunculan pelbagai saluran yang lebih interaktif melalui teknologi Internet telah mendorong berlakunya migrasi dalam kalangan khalayak, khususnya dalam konteks pengaksesan maklumat. Hal ini memudahkan lagi masyarakat supaya tidak lagi bersusah payah untuk mendapatkan akhbar bercetak di luar rumah mahupun di tempat kerja masing-

masing.

Tidak boleh disangkal lagi dengan adanya laporan media di Internet, ia lebih memudahkan penyampaian laporan berita selain dapat menjimatkan masa dan lebih praktikal untuk masa kini. Dengan kemudahan ini, masyarakat akan lebih bergantung kepada laporan media di Internet berbanding laporan yang bercetak. Oleh itu, penggunaan bahasa yang mudah difahami adalah sangat penting disebabkan latar belakang masyarakat yang membaca laporan media di Internet yang pelbagai.

Kartini Abd. Wahab dan Zulkifley Hamid (2015) mendapati bahawa faktor yang menghambat pemahaman dalam teks berita dalam kalangan pembaca berpunca daripada penggunaan perkataan tidak lazim, kelewahan imbuhan, penggunaan akronim yang tidak diketahui umum dan juga penggunaan kata pinjaman. Menerusi karya *Cratylus*, Plato (2018) menyatakan bahawa terdapat makna-makna tertentu dalam setiap bunyi-bunyi implisit. Bahasa mencerminkan budaya sesebuah masyarakat dan semantik merupakan bidang yang mengkaji bahasa dan makna perkataan dalam sesuatu bahasa itu.

Seseorang itu akan sering kali berhadapan dengan banyak pertanyaan berkaitan dengan apa yang hendak disampaikan oleh penutur. Kebanyakan penutur gemar menggunakan perkataan atau ungkapan yang mempunyai makna yang kabur. Begitu juga dalam penulisan, teks, dan laporan. Seseorang itu sering keliru dalam memahami mesej atau makna yang cuba disampaikan oleh penutur, begitu juga sebaliknya. Mursia Ekawati dan Asri Wijayanti (2017) berpendapat bahawa perkara yang dikemukakan oleh penulis adalah pembaca akhbar sebenarnya tidak dapat menjadi pembaca yang benar-benar memahami berita tersebut dengan membaca judul berita adalah disebabkan mereka tidak menyedari bahawa terdapat pelbagai jenis ketaksaan yang diciptakan oleh sifat khusus yang khasnya terdapat dalam laras bahasa berita.

Justeru, kajian ini dijalankan berdasarkan aspek semantik. Setiap perkataan dan ungkapan mempunyai maknanya yang tersurat dan juga yang tersirat. Dengan ilmu semantik, dapatlah seseorang itu memahami mesej yang ingin disampaikan oleh orang lain dalam komunikasi seharian sama ada dalam komunikasi lisan mahupun tulisan. Kajian ini juga dijalankan bagi melihat ketaksaan yang menimbulkan kekeliruan dan ketidaksamaan makna rujukan dalam berita di Internet. Disebabkan perkembangan teknologi dan peredaran zaman, maka makna sesuatu kata atau ungkapan itu juga boleh berubah-ubah. Akhir sekali, kajian ini dijalankan bagi membantu masyarakat memahami makna yang sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis dalam berita di Internet.

1.2 Pernyataan Masalah

Ketaksaan menimbulkan interpretasi berganda yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Ketaksaan ini sering kali dijumpai dalam setiap aspek bahasa. Namun begitu akhbar berita yang digerakkan sebagai sumber yang paling utama dalam menyampaikan sesuatu merupakan contoh yang paling terdekat dalam memperlihatkan ketaksaan (Ekawati & Wijayanti, 2017). Tambahan Mursia Ekawati dan Asri Wijayanti (2017) lagi, pembaca tidak dapat membaca akhbar dengan berjaya disebabkan pembaca sendiri tidak sedar bahawa terdapatnya beberapa jenis ketaksaan dalam laporan akhbar tersebut yang dicipta oleh penulis. Oleh itu, pengkaji ingin menyelidik ketaksaan yang terdapat dalam berita sukan bola sepak di Internet yang menyebabkan kekeliruan makna kepada pembaca dan kefahaman ketaksaan leksikal, ketaksaan gramatikal, dan ketaksaan figuratif ini perlu dijelaskan berdasarkan konteks.

Dalam sesuatu kata dan ungkapan, akan wujud konsep dan kategori yang dizahirkan atas kebiasaan berbahasa dalam kalangan komuniti bahasa itu sehingga boleh menimbulkan pelbagai pilihan pentafsiran makna tertentu, (Ghenea, 2006) lalu menimbulkan ketaksaan makna kata dan ungkapan. Setelah timbulnya ketaksaan makna kata dan ungkapan ini, ia boleh dikategorikan lagi kepada beberapa jenis ketaksaan yang telah difokuskan oleh pengkaji. Sementara itu, Li, Zhang dan Du (2014) menyatakan bahawa laporan berita akhbar atas talian ini melihatkan kekerapan yang tinggi terhadap penggunaan ungkapan yang tidak jelas dalam penulisan mereka. Justeru, pengkaji ingin mengenal pasti dan mengkategorikan jenis ketaksaan yang terdapat dalam laporan berita sukan bola sepak.

Di samping itu, tafsiran semantik didapati tidak dapat menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai ketaksaan yang terjadi dalam komunikasi manusia, (Oluga, 2016). Tambahan pula, hal ini telah dinyatakan Jacob (2003) bahawa semasa menangani ungkapan yang tidak jelas, iaitu yang taksa dan kabur, kita dapat meminggirkan peranan konteks. Dengan kata lain, ungkapan yang tidak berdasarkan kontekstual, tidak akan memberikan tafsiran makna secara berkesan. Oleh itu, tafsiran ungkapan yang tidak jelas, taksa dan kabur wajar menggunakan pendekatan pragmatik yang mengambil kira peranan konteks dalam menyelesaikan masalah kekaburan dan ketaksaan dalam ungkapan, (2003).

Tambahan pula, dalam mengesan ketaksaan makna dalam kata dan ungkapan, ketaksaan makna ini memerlukan penganalisisan teks yang dibuat dengan lebih meluas dan mendalam bagi mengelakkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukannya. Ketaksaan makna ungkapan ini berlaku disebabkan adanya unsur polisemi, dan terdapat kaitannya dengan unsur perbezaan budaya (Halliday, 1978). Perkara ini telah mewujudkan ketaksaan yang membawa makna rujukan yang bertentangan serta mewujudkan ketidaksamaan rujukan

dari sistem dan struktur sosial. Oleh itu, pengkaji akan menganalisis ketaksaan yang timbul dalam laporan berita sukan bola sepak dengan menggunakan Teori Relevans kerana Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) telah membuktikan bahawa teori ini berjaya merungkaikan makna sebenar ketaksaan dalam kajian mereka.

Di samping itu, kehadiran hasil penulisan yang bersifat taksa ini bukanlah suatu kesalahan yang dilakukan oleh penulis (Liviany Amelia Hartono, 2010). Keadaan ini berlaku kerana adanya perbezaan interpretasi dan pemahaman khususnya oleh pembaca. Tambahan lagi, penulisan yang bersifat taksa ini juga terjadi disebabkan kurangnya penjelasan yang lebih terperinci hingga mengakibatkan usaha yang lebih oleh pembaca untuk berfikir dan menganalisis sendiri mengenai mesej sebenar yang terselindung dibalik ketaksaan yang berlaku. Seajar dengan itu, untuk mengesan ketaksaan yang berlaku ini, seseorang itu memerlukan pemahaman yang mendalam serta pengetahuan yang luas mengenai perkara terbabit. Hal ini dikatakan demikian kerana, persepsi manusia pada dasarnya mentafsirkan sesuatu berdasarkan pemerhatian yang dianjurkan oleh latar belakang dan konsep, pengalaman, bahasa dan seluruh masa lalu (Lecleric, 2004).

Bertitik tolak daripada permasalahan yang timbul ini, pengkaji menggunakan pendekatan pragmatik untuk menyelesaikan ketaksaan dalam laporan berita sukan bola sepak yang membawa kepada makna rujukan yang bertentangan agar pemahaman pembaca terhadap ketaksaan leksikal, ketaksaan gramatikal, dan ketaksaan figuratif yang terdapat dalam laporan berita sukan bola sepak ini dapat dijelaskan berdasarkan konteks bagi memperlihatkan hubungan antara ungkapan-ungkapan linguistik dalam bahasa semula jadi penuturnya.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepentingan bahawa aspek ketaksaan dalam laporan berita sukan bola sepak haruslah dititikberatkan. Hal ini sedemikian kerana, bola sepak merupakan salah satu sukan yang diminati ramai di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Peminat bola sepak Inggeris sudah pasti tidak sabar untuk menyaksikan pasukan pilihan mereka beraksi semula dalam saingan EPL yang digantung sejak 13 Mac akibat pandemik COVID-19 (Awani, 2020). Disebabkan pandemik Covid-19 ini ramai peminat bola sepak tertunggu-tunggu untuk menyaksikan pasukan kegemaran mereka beraksi semula.

Oleh itu, peminat bola sepak akan melayari berita-berita atas talian bagi mendapatkan informasi mengenai laporan bola sepak lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik Covid-19 ini. Aspek yang menjadi tumpuan kajian ini adalah ketaksaan leksikal, gramatikal, dan figuratif yang digunakan oleh wartawan dalam memanfaatkan pelbagai elemen bahasa dalam laporan berita sukan bola sepak yang kemudiannya menghasilkan makna yang tersirat. Penyelidikan

terhadap ketaksaan dalam laporan berita sukan bola sepak ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian yang berikut:

1. Mengenal pasti ketaksaan leksikal, gramatikal, dan figuratif yang menghasilkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukan dalam laporan berita sukan bola sepak.,
2. Menganalisis ketaksaan leksikal, gramatikal, dan figuratif yang menghasilkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukan dalam laporan berita sukan bola sepak.,
3. Merumuskan aspek bahasa yang menghasilkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukan dalam laporan berita sukan bola sepak.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk dibincangkan dan diuraikan. Persoalan kajian dalam analisis kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah jenis ketaksaan yang telah menghasilkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukan dalam laporan berita sukan bola sepak?
- ii. Sejauh manakah ketaksaan leksikal, gramatikal, dan figuratif dapat menghasilkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukan?
- iii. Aspek bahasa manakah yang menghasilkan pertentangan dan ketidaksamaan makna rujukan dalam laporan berita sukan bola sepak?

1.5 Kepentingan Kajian

Dalam mengesan ketaksaan makna ini, pembaca akan dapat menentukan hubungan rujukan antara perbendaharaan kata, ekspresi objek yang terikat hubungannya antara satu sama lain dalam setiap bahasa. Perkara ini merangkumi pengesanan makna, representasi rujukan dalam pemikiran dan realiti. Kajian ilmiah mengenai bidang ketaksaan dalam laporan berita sukan bola sepak sepatutnya diberikan perhatian lebih oleh banyak pihak. Hal ini disebabkan bola sepak merupakan acara sukan yang paling ramai diminati oleh semua lapisan masyarakat di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Tanggapan umum mengenai sukan bola sepak amat tinggi juga laporan sukan bola sepak.

Pada era kini, berita dalam talian merupakan antara medium yang utama dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat terutamanya dalam bidang

sukan. Menurut kajian penggunaan Internet di Malaysia oleh MCMC pada tahun 2018, sebanyak 87.4% merupakan pengguna Internet dan selebihnya 12.6% sahaja yang tidak menggunakan Internet. Disebabkan terdapat masyarakat yang membaca dan mendapatkan maklumat daripada Internet, penambahbaikan bahasa di Internet perlu dilakukan bagi memudahkan maklumat yang hendak disampaikan jelas kepada masyarakat. Tambahan pula, media elektronik ini telah pun menjadi sebatik dalam kehidupan masyarakat pada era kini sehinggakan boleh meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat jika maklumat yang disampaikan itu kurang jelas seterusnya akan menimbulkan kesalahfahaman.

Dalam berita *Free Malaysia Today* yang dikeluarkan pada 10 April 2020 telah menyatakan bahawa capaian Internet di Malaysia telah meningkat kepada 90% penggunaan. Lebih 90% isi rumah di Malaysia mempunyai akses Internet. Hal ini didorong pula dengan adanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan bagi membendung penularan Covid-19 ini. Tambahan lagi, Ketua Perangkaan, Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata peratusan penggunaan Internet di Malaysia turut meningkat kepada 82.2% pada 2019 berbanding 81.2% pada tahun 2018. Shahrul Nizam Sannusi dan Normah Mustaffa (2015) berpendapat bahawa pengaksesan terhadap Internet dan bahan media baharu yang lain secara langsung memberikan ruang kepada lebih banyak aplikasi baharu dihasilkan dengan Internet sebagai tunjang kepada medium penyampaiannya. Justeru, pemilihan kata dalam laporan berita perlulah diberikan perhatian yang mendalam agar maksud yang sebenar oleh penulis dapat disampaikan kepada pembaca dengan mudah dan jelas serta dapat mempengaruhi pembaca yang juga merupakan masyarakat.

Salah satu media komunikasi yang sangat efektif dalam penyampaian informasi adalah surat khabar (Santoso, 2020). Apabila dunia berkembang, akhbar juga telah membuat satu jalan pintas bagi menyampaikan maklumat melalui berita atas talian. Melalui medium ini, masyarakat dapat mengetahui pelbagai informasi yang menarik dari seluruh dunia. Oleh sebab berita di Internet merupakan suatu medium yang utama dalam mendapatkan maklumat terkini dan perlu diberikan perhatian yang serius terhadap bahasa penggunaannya, maka kajian ini perlu dilakukan. Kajian ini dilakukan bagi menerangkan makna sebenar dalam setiap kata, frasa atau ayat yang taksa yang diperoleh daripada berita di Internet. Pengkaji merasakan bahawa ketaksaan yang terdapat dalam laporan berita sukan bola sepak perlu dikaji kerana tidak semua pembaca memahami dan mengetahui makna daripada ketaksaan yang terdapat dalam laporan tersebut.

Pengkaji mengharapkan agar dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan panduan kepada para pengkaji bahasa yang lain dalam memperkembangkan lagi kajian linguistik terutamanya dalam bidang ini. Memandangkan kajian ini penting dalam menerangkan dan menjelaskan ketaksaan yang berlaku dalam berita sukan di Internet, kajian ini diharapkan dapat:

- a) Dijadikan rujukan kepada para pengkaji linguistik yang akan

melakukan kajian pada masa akan datang lebih-lebih lagi dalam kajian mengenai kekaburan dan ketaksaan makna rujukan walaupun dalam konteks yang lain atau mengkaji dari aspek atau cara yang lain.

- b) Membantu para penulis berita sukan di Internet dalam menulis laporan yang jelas dan mudah difahami oleh pembaca dalam menyampaikan maklumat. Ketaksaan dalam ungkapan ini melibatkan semua komponen teras tatabahasa. Justeru, kajian ini menyediakan ruang untuk mencipta prinsip yang dapat memberikan asas maklumat tatabahasa dalam bahasa Melayu bagi mengelakkan ketaksaan ungkapan. Dengan ini, para penulis laporan dapat menulis laporan dengan mudah, tepat dan ringkas kepada pembaca. Secara tidak langsung, dapat membantu juga pembaca yang sukar memahami ungkapan-ungkapan yang taksa yang terdapat dalam laporan media di Internet. Tidak semua masyarakat pembaca memahami akan ungkapan yang sukar. Jadi dengan adanya kajian ini, akan dapat merungkai segala ketidakfahaman atau kekaburan makna yang terjadi dalam laporan media di Internet.
- c) Dapat membantu syarikat-syarikat yang menyiarkan berita di Internet mendapat sambutan pembaca yang banyak. Secara tidak langsung, dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan jelas kepada pembaca, ia dapat menaikkan lagi jumlah pembaca di laman sesawang yang syarikat-syarikat berkenaan sedia.


1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada laporan berita bola sepak Liga Perdana Inggeris yang disiarkan secara atas talian (Internet) dan berbahasa Melayu sahaja. Pengkaji memilih laporan berita sukan disebabkan paparan berita sukan secara global telah membentuk sebahagian identiti sukan secara global (Sarimah Ismail & Hamed Mohd Adnan, 2011). Disebabkan itu, maka terhasillah kewujudan peminat di serata dunia terhadap Bola Sepak Piala Dunia. Tidak kurang itu, Sarimah Ismail dan Hamed Mohd Adnan (2011) menyatakan lagi bahawa paparan sukan dunia seperti Bola Sepak Piala Dunia 2010 telah mendapat liputan yang meluas seluruh dunia dan tidak langsung telah membentuk identiti global.

Bahan kajian diambil dalam lingkungan terbitan bermula daripada 1 Jun 2020 sehingga Ogos 2020 sahaja iaitu sebanyak 32 laporan berita. Hal ini selaras dengan laporan berita sukan bola sepak Liga Perdana Inggeris yang disambung semula pada 1 Jun 2020 dalam stadium tertutup (ESPN, 11 Mei 2020) setelah ditangguhkan sejak 13 Mac 2020 ekoran pandemik Covid-19. Selain itu, laporan berita bola sepak Liga Perdana Inggeris yang diambil merupakan laporan yang terkini. Di samping itu, data kajian ini turut mengambil bahan kajian daripada akhbar dalam talian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan pergerakan adalah dihadkan bagi membendung wabak Covid-19

ini. Tambahan pula, pemilihan terhadap laporan berita sukan bola sepak di Internet adalah bersesuaian dengan tujuan kajian, iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis ketaksaan dalam laporan berita yang berkaitan dengan sukan bola sepak sahaja.

Di samping itu, pengkaji menggunakan laporan berita sukan bola sepak dalam talian adalah disebabkan boleh dikatakan setiap masa, masyarakat akan mengakses Internet untuk mendapatkan maklumat sama ada laman sesawang seperti Google ataupun media sosial. Sebanyak 87.4% pengguna Internet dicatatkan pada tahun 2018 (MCMC, 2019). Hal ini terbukti berdasarkan laporan Kajian Pengguna Internet, MCMC (2019), yang mendapati pengguna menggunakan Internet pada purata enam hingga lapan jam sehari, (Sila rujuk Rajah 1.)



Rajah 1: Peratusan Penggunaan Internet oleh MCMC

Tumpuan kajian ini pula hanya tertumpu pada laporan berita bola sepak Liga Perdana Inggeris di Internet yang mempunyai ketaksaan sahaja. Ketaksaan yang dimaksudkan ialah ketaksaan kata, frasa atau ayat yang menimbulkan kekeliruan makna kepada pembaca. Ketaksaan dalam kajian ini, pengkaji telah membuat batasan kepada ketaksaan leksikal, gramatikal, dan figuratif yang boleh didapati di laman sesawang Berita Harian dan Sinar Harian atas talian yang menyiarkan laporan berita sukan bola sepak. Ungkapan yang jelas dan difahami tidak akan diambil untuk dijadikan data kajian.

Pengkaji akan mengenal pasti ketaksaan leksikal, ketaksaan gramatikal, dan juga ketaksaan figuratif berdasarkan definisi ketaksaan-ketaksaan tersebut. Berdasarkan Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), terdapat empat jenis ketaksaan, iaitu ketaksaan struktur, ketaksaan leksikal, ketaksaan figuratif, dan ketaksaan yang tidak disengajakan. Namun,

dalam kajian ini, pengkaji hanya akan memfokuskan kepada ketaksaan leksikal, ketaksaan gramatikal, dan juga ketaksaan figuratif sahaja. Akhir sekali, pengkaji memastikan data yang ingin dikaji mencukupi untuk mencapai ketiga-tiga objektif kajian ini.

1.7 Definisi Operasional

Berikut dirincikan definisi pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini, iaitu:

1.7.1 Ketaksaan

Ketaksaan bermaksud satu jenis ketidakjelasan makna yang terjadi sama ada dalam bentuk lisan mahupun dalam bentuk tulisan yang berlaku dalam bentuk kata, klausa, ayat, dan juga wacana (Santoso, 2020). Menurut Halim dan Herliani (2014), ketaksaan membawa maksud suatu perkataan, frasa, atau ayat yang mempunyai lebih daripada satu makna. Ketaksaan juga merupakan suatu kata, frasa, atau ayat yang selalunya menimbulkan kekeliruan atau ketidakpastian makna kepada pembaca.

Dalam erti kata lain, ketaksaan merujuk kepada suatu kata dan ungkapan yang boleh memberikan makna dan membawa rujukan yang samar-samar sehingga boleh menimbulkan pertentangan makna dan ketidaksamaan makna rujukan kepada pembaca. Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) menyatakan bahawa terdapat empat jenis ketaksaan, iaitu ketaksaan struktur, ketaksaan leksikal, ketaksaan figuratif dan ketaksaan yang tidak disengajakan. Namun kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga jenis ketaksaan sahaja iaitu ketaksaan leksikal, ketaksaan gramatikal, dan ketaksaan figuratif.

Ketaksaan Leksikal

Menurut Galih Dwianto Putra (2018), ketaksaan leksikal adalah ketaksaan yang terjadi akibat daripada bentuk-bentuk leksikal tersebut yang memiliki dua atau lebih makna. Perbezaan makna tersebut boleh mempunyai perkaitan atau tidak sama sekali. Perkara ini disokong oleh Mursia Ekawati dan Asri Wijayanti (2017) yang berpendapat bahawa ketaksaan leksikal ini merupakan kegandaan makna yang timbul akibat adanya butir-butir leksikal yang mempunyai makna ganda walaupun ia terjadi disebabkan hal-hal yang bersifat leksidental.

Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa ketaksaan leksikal merujuk ketaksaan yang terjadi akibat daripada butir-butir leksikal mempunyai sifat berganda dari sudut makna serta disebabkan oleh cara penggunaannya. Kewujudan ketaksaan leksikal ini disebabkan oleh wujudnya kata homonim, homofon, dan homograf

yang digunakan dalam ayat yang menyebabkan timbulnya kekeliruan makna.

Ketaksaan Gramatikal

Ketaksaan gramatikal merupakan ketaksaan yang terjadi disebabkan proses penggabungan satuan-satuan lingual berdasarkan sistem bahasa tertentu (Mursia Ekawati & Asri Wijayanti, 2017). Selain itu, Sri Hapsari Wijayanti (2003), menyatakan bahawa ketaksaan gramatikal merupakan ketaksaan struktural yang dipengaruhi oleh struktur ayat atau pembentukan kata dalam suatu ayat.

Daripada itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa ketaksaan gramatikal terbentuk oleh peristiwa pembentukan kata secara gramatikal dan kata yang telah membentuk frasa, tetapi gabungan kata-kata itu mengakibatkan makna sesuatu ayat dapat diertikan lebih daripada satu makna.

Ketaksaan Figuratif

Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) berpendapat bahawa ketaksaan figuratif terjadi apabila suatu makna itu dianalisis berdasarkan bentuk figuratifnya, bukan berdasarkan bentuk literalnya. Ketaksaan figuratif berkait rapat dengan unsur polisemi pada peringkat leksikon dan perbezaan budaya. Tegasnya ketaksaan figuratif terjadi apabila sesuatu makna kata atau ungkapan telah dianalisis dalam bentuk figuratif dan bukannya literal.

1.7.2 Laporan Berita Sukan

Keraf (2001) menyatakan bahawa laporan merupakan suatu bentuk komunikasi yang memerlukan penulis untuk menyampaikan informasi kepada seseorang atau sesuatu badan disebabkan tanggungjawab yang telah dibebankan kepada penulis tersebut. Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, dan Lee Kuok Tiung (2013) mendefinisikan berita sebagai sebuah institusi sosial yang membolehkan khalayak mendapat pelbagai maklumat daripadanya. Manakala berita sukan merupakan segala maklumat mengenai sukan sahaja. Jadi, kesimpulannya, laporan berita sukan merujuk kepada suatu bentuk komunikasi yang ditulis oleh penulis mengenai segala berita sukan yang disampaikan kepada khalayak pembaca menggunakan Internet dan juga akhbar.

1.7.3 Liga Perdana Inggeris

Liga Perdana Inggeris, atau English Premier League (EPL), adalah tahap teratas sistem liga bola sepak Inggeris sejak penubuhannya hingga tahun 1992. Liga Bola Sepak Inggeris (EFL) ini adalah pertandingan liga yang menampilkan kelab

bola sepak persatuan profesional dari England dan Wales. Sebenarnya Liga Perdana Inggeris ditubuhkan pada tahun 1888 sebagai Football League, dan merupakan liga pertandingan tertua dalam bola sepak dunia. Dengan kata lain, Liga Perdana Inggeris ialah liga bola sepak peringkat teratas di England sehinggalah 22 kelab teratas berpisah untuk membentuk Liga Perdana. Pada musim mulai 1995 liga dikurangkan menjadi 20 pasukan.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, Bab 1 ini menjelaskan bahawa ketaksaan membawa maksud kekaburan makna yang membawa kepada rujukan yang samar-samar kepada pembaca. Pernyataan definisi mengenai ketaksaan ini diperkukuhkan lagi dengan sokongan pengkaji linguistik terdahulu yang menyatakan ketaksaan ini terbahagi kepada empat, iaitu ketaksaan struktur, ketaksaan leksikal, ketaksaan figuratif, dan ketaksaan yang tidak disengajakan.

Selain itu, pernyataan masalah, objektif kajian, dan kepentingan dalam menjalankan kajian ini jugatelah dijelaskan dalam bab ini. Seajar dengan itu, kajian ini penting untuk mendedahkan pembaca dengan ketaksaan yang terdapat dalam laporan berita sukan bola sepak. Hal ini adalah disebabkan masyarakat kini makin meminati sukan bola sepak dan mereka akan mengakses laman Internet sebagai medium untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini tentang sesuatu berita termasuklah laporan berita sukan bola sepak.

BIBLIOGRAFI

- Abdoel Gafar (2008), Penggunaan Internet Sebagai Media Baru dalam Pembelajaran. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi* Vol.8 No.2, Julai 2008
- Abu Bakar, S. S. (2014). Perbandingan sebagai Strategi Retorik dalam Iklan Radio. *PENDETA:Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 175 - 192. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1200>
- Andini, I. (2014). Ketaksaan Tindak Tutur Dalam Wacana Humor Pada Acara Sentilan Sentilun Di Metro TV. *BAHTERA : Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 13(1), 11-19. <https://doi.org/10.21009/BAHTERA.131.02>
- Arief Wibowo (2008), Kajian Tentang Perilaku Pengguna Sistem Informasi dengan Pendekatan Technology Acceptance Model (TAM), *Proceeding Book Of Konferensi Nasional Sistem Informasi 2008: Indonesia Modern Dalam Budaya Informasi*, Yogyakarta 14-15 Januari 2008 Universitas Sanata Dharma Yogyakarta
- Bucaria, C. (2004). Lexical and Syntactic Ambiguity as A Source of Humor: The Case of Newspaper Headlines. *Humor-International Journal of Humor Research*.
- Ehineni, T.O. (2014). Lexical, Structural and Rhetorical Features og Nigerian English Print Media. *Journal of Arts and Humanities*.
- Ekawati, M., & Wijayanti, A. (2017). KETAKSAAN JUDUL BERITA DAN IMPLIKASINYA PADA PEMBACA. *Seminar Nasional Riset Inovatif*, 5, 644-652. Retrieved from <https://eproceeding.undiksha.ac.id/index.php/senari/article/view/986>
- Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing. *Internasional Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 06(2017), 13-24
- Hamidah Abdul Wahab. (2012). Aspek Kelewahan dalam Laporan Akhbar Atas Talian. *Issuesin Languages Studies*.
- Hardi. N.M. (2015). Tingkat Kepatutan Berbahasa Jurnalistik pada Jurnalisme Online di Situs DetikBandung.com (Studi Deskriptif dengan Teknik Analisis Isi terhadap Penerapan Kaidah Bahasa Jurnalistik Berita Langsung (Straight News) di detikbandung.com). *Jurnal Ilmiah Komunikasi*, Vol. 4, No. 2 <https://doi.org/10.33508/jk.v4i2.770>
- Hasmidar Hassan (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungannya Dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal*

- Bahasa, Jilid 16 Bil, 1.
- I Gusti Ngurah Ketut Putrayasa (2017). Ketaksaan (Ambiguitas) dalam Bahasa Indonesia. Universitas Udayana. Indonesia
- James Slevin, Internet 2017
<https://doi.org/10.1002/9781405165518.wbeosi061.pub2>
- Kamus Pelajar Edisi Kedua. (2016). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kartini Abd. Wahab & Zulkifley Hamid. (2015). Hambatan Memahami Bahasa: Satu Penelitian Ke Atas Teks Berita dalam Talian Berbahasa Indonesia, Temp.Co. Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication, 31(2). PP. 493-514. ISSN 0128-1496.
- Li, Y., Zhang, D., & Du, W. (2014). A Case Analysis of Lexical Features in English Broadsheets and Tabloids. *International Journal of English Linguistics*, 4(4), 115-122.
- Mey. Jacob L. (2003). Context and (dis)Ambiguity: a pragmatic view. *Journal of Pragmatics*.35 (2003) 331–347
- Monica Liaw Kah Pei & Mary Fatimah Subet. (2018). Semangat Patriotik Masyarakat Cina: Analisis Teori Relevans. *Trends in Undergraduate Research* (2018) 1(1): f1-9.
- Muhammad Hisyam Haliah dan Ab. Razak Ab. Karim. (2019). Kohesi dalam warkah sosial Melayu abad ke-17 hingga abad ke-19. *Jurnal Bahasa*, 19(1), 139-168).
- Nor Hashimah Jalaludin (2007). Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Prakmatik. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dawarna Sdn.Bhd
- Putra, G. D. (2018). Ketaksaan dalam Segmen Teka-teki Sulit Pada Tayangan WIB. (Doctoral Dissertation, Universitas Negeri Jakarta)
- Ramli, N. & Melai, Z. (2016). Imbuhan Ter- dari Perspektif Teori Relevans. *Journal of Social Sciences and Humanities. Special Issue 3. Vol 11* 145-162
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam Novel Komsas “Di Sebalik Dinara”: Analisis Teori Relevans. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.155>
- Sarimah Ismail & Hamed Mohd Adnan. (2011). Profil Ruangan Sukan Dalam Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Vol. 13, No. 2, 2011 Pages 75-91.
- Sato Hirobumi. (1999). Ketaksaan dalam Komunikasi Verbal. In Hasan Alwi, Dendy Sugono (Ed), *Telaah Bahasa Dan Sastra: Persembahan Kepada*

Prof. Dr. Anton M. Moeliono (Pp. 95-109). Jakarta: Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa.

Sedley, David. (2018). "Plato's Cratylus", The Stanford Encyclopedia of Philosophy (Fall 2018 Edition). Metaphysics Research Lab, Stanford University. <https://plato.stanford.edu/archives/fall2018/entries/plato-cratylus/>

Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan & Lee Kuok Tiung. (2013). Pemilihan Berita dari Perspektif Wartawan Media Cetak Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 29(2) 2013: 51-68

Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, Lee Kuok Tiung & Nik Norma Nik Hassan. (2018). Masa Hadapan Akhbar Malaysia dalam Masyarakat Jaringan. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 34(4) 2018: 214-231 E-ISSN: 2289-1528 <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3404-13>

Sperber & Wilson. (1995). *Relevance Communication & Cognition* (Second Edition). Blackwell Publisher LTD. United Kingdom.

Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevan Komunikasi dan Kognisi*. (N. H. Jalaluddin, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sperber, D. & Wilson, D. (2012). *Meaning And Relevance*. Cambridge: Cambridge University Press.

Subet, M. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159-188. Retrieved from <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/3444>

Subet, M., & Jalaluddin, N. (2014). Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 28-44. Retrieved from <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/4289>

Wijayanti, S. H. (2015). Ketaksaan Gramatikal dan Leksikal dalam Bahasa Indonesia. *Diksi*, 10(2). doi:10.21831/diksi.v10i2.6966

Wong, S. (2017). Makna Tambahan dalam Pernyataan Keputusan Perlawanan Sukan secara Implisit. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 174-192. Retrieved from <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/1165>

Wong Shia Ho. (2013). Bahasa Figuratif Sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 39-63

Wong Shia Ho. (2014a). Penggunaan Simbol dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans *Jurnal Bahasa*, Volume 14, No 1

Wong Shia Ho. (2014c). Ungkapan Implisit dalam Berita Bola Sepak Piala Dunia 2014: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 219-238.

Wong Shia Ho. (2013). Keharmonian Kaum dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 11.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Bahasa dalam Realiti Kehidupan dan Realiti Kehidupandalam Bahasa *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. Jilid 34(2) 2018: 338-353 E-ISSN: 2289-1528 <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-21>

Zakeria, S. Z., & Nik Muhamad Affendi, N. R. (2014). Makna Penutur dalam Ayat Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Satu Analisis Teori Relevans. *PENDETA: Journal of MalayLanguage, Education and Literature*, 5, 207-240. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1202>

Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu. *Jurnal Linguistik* . Vol. 24 (1) Jun 2020 (033-050)